

From: Jabatan Pendaftar
Sent: Tuesday, April 24, 2018 8:33 AM
To: UUM - All Staff
Subject: KEPERLUAN MEMOHON KEBENARAN UNIVERSITI UNTUK MELAKSANAKAN PEKERJAAN LUAR SEBAGAI PETUGAS PILIHANRAYA



Jabatan Pendaftar
REGISTRAR'S OFFICE
Universiti Utara Malaysia

24 APRIL 2018
08 SYAABAN 1439H

Semua Dekan/Ketua Jabatan/Pengarah/Pengetua INASIS
Semua Staf
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan

KEPERLUAN MEMOHON KEBENARAN UNIVERSITI UNTUK MELAKSANAKAN PEKERJAAN LUAR SEBAGAI PETUGAS PILIHANRAYA

Sepertimana yang telah Y. Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./tuan/puan sedia maklum, urusan pelaksanaan Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU-14) akan berlangsung dalam jangkamasa terdekat bermula dengan proses Penamaan Calon pada 28 April 2018, Pengundian Awal pada 5 Mei 2018 dan seterusnya Hari Mengundi PRU-14 pada 9 Mei 2018.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dalam kenyataannya telah melantik seramai 222 orang pegawai dan 259,391 orang petugas daripada kalangan orang awam di seluruh negara untuk pengendalian proses PRU-14. Universiti mengambil maklum bahawa ramai dalam kalangan staf UUM sendiri yang telah dilantik oleh pihak SPR sama ada sebagai Pegawai Pengurus Pilihanraya, Pembantu Pilihan Raya, Ketua Tempat Mengundi, Penyelia Pusat Mengundi, Kerani Pengundian/Kerani Mengira Undi, Kerani Penyemak Daftar Pemilih, Kerani Pengeluaran, Pembukaan dan Pengiraan Undi Pos atau Pemandu Arah Pusat Mengundi.

Memandangkan bahawa semua staf Universiti adalah tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) maka staf perlu memohon kebenaran ketua jabatan untuk melaksanakan semua bentuk pekerjaan luar. Bagi tujuan ini, permohonan boleh dibuat ke Jabatan ini bagi mematuhi peraturan yang berkuatkuasa dan untuk tujuan rekod.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Pendaftar



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.